

# Penternak rugi RM300,000 akibat bencana

10/11/17 B4



**Dr Kamarudin memberi makan lembu** ketika membuat lawatan di padang ragut Lenggong, Kampung Padang Pulut, Dungun.

**Dungun:** Seramai 49 penternak mengalami kerugian lebih RM300,000 apabila 37 ternakan mati selepas gagal diselamatkan ketika banjir melanda di lima daerah di negeri ini sejak awal bulan lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Kamarudin Md Isa, berkata kematian ternakan itu disebabkan kenaikan paras air secara mendadak di kawasan rendah berhampiran padang ragut.

"Setakat ini, kami anggarkan penternak mengalami kerugian sebanyak RM100,000 berikutan 37 ternakan mati, manakala RM200,000 disebabkan kemasuhan dan kerosakan infrastruktur seperti kandang serta pagar," katanya ketika ditemui pada Program

Misi Bantuan Pasca Banjir Negeri di Ladang Ternakan Lembu Lenggong, di sini, semalam.

## Pemeriksaan ternakan

Dr Kamarudin berkata, selain memberi bantuan makanan, pihaknya turut menjalankan pemeriksaan terhadap ternakan bagi mengelak ia dijangkiti penyakit akibat banjir.

Katanya, berdasarkan laporan awal, sebanyak 13 kambing, 12 bebiri, lapan lembu dan empat rusa mati.

"Seramai empat penternak di daerah Hulu Terengganu kerugian berikutan kematian 24 ternakan termasuk rusa, manakala Kemaman 20 penternak membabitkan kematian 13 bebiri dan seekor lembu," katanya.

Dr Kamarudin berkata, semua penternak yang kerugian akan dibayar wang ehsan antara RM300 hingga RM700 mengikut jenis ternakan.

Sementara itu Bernama melaporkan, di Kuala Berang, Terengganu, kira-kira 6,400 pokok pisang milik seorang pekebun di Kampung Getang musnah akibat banjir sejak sembilan hari lalu.

"Yang tinggal cuma daun pisang," kata Tuan Ismail Tuan Muda.

Beliau yang pertama kali menanam pisang berkata kerugian kira-kira RM90,000.

Di Kota Bharu, seramai 320 murid dan pelajar dari lapan sekolah di Kota Bharu dan Bachok menerima bantuan beg sekolah daripada badan bukan kerajaan (NGO), Kota Care.